

DBKL roboh tiga struktur berbumbung haram

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan tiga struktur kekal berbumbung tanpa permit yang sah dan pindah halangan di Jalan Hang Tuah 4, Salak Selatan, kelmarin.

DBKL berkata, tindakan diambil menerusi Jabatan Penguatkuasaan, Pejabat Cawangan Seputeh dan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL.

“Tindakan khas dijalankan adalah menerusi peruntukan di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta Ja-

lan Parit dan Bangunan 1974.

“Antara barangan disita adalah gerai kayu, batang besi, batang aluminum dan lain-lain,” katanya dalam kenyataan.

Kenyataan itu menyebut barang dan peralatan yang disita, dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk dokumentasi dan tindakan selanjutnya.

“Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri tindakan khas di 11 Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” katanya.



DBKL merobohkan struktur kekal berbumbung tanpa permit dan pindah halangan di Jalan Hang Tuah 4, Salak Selatan, kelmarin.

(Foto ihsan FB DBKL)